

**PENGETAHUAN DAN SIKAP RAKAN SEBAYA TERHADAP  
PELAJAR KURANG UPAYA DI SEBUAH IPTA DI MALAYSIA**

**Hasnah Toran  
Tajul Arifin Muhamad  
Mohd Hanafi Mohd Yasin  
Mohd Mokhtar Tahar  
Nur Hazwani Hamzah**

**Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia**

**Abstrak**

Sikap negatif terhadap Orang Kurang Upaya (OKU) dikenal pasti sebagai suatu halangan kepada mereka untuk mengambil bahagian secara penuh di dalam masyarakat. Objektif kajian ini adalah untuk mengetahui tahap pengetahuan pelajar IPTA tentang OKU, dan menyelidiki persepsi dan sikap pelajar IPTA terhadap rakan sebaya yang mempunyai kekurangan upaya. Kajian ini merupakan sebuah kajian kuantitatif dan data diperolehi melalui borang soal selidik. Responden bagi kajian ini dipilih menggunakan kaedah persampelan rawak berlapis dan terdiri daripada 120 orang pelajar dari 12 fakulti. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan responden tentang OKU berada pada tahap sederhana. Dapatan turut memperlihatkan bahawa pandangan dan sikap responden terhadap OKU adalah sederhana positif. Menerusi dapatan kajian ini, dapat disimpulkan bahawa, tahap pengetahuan yang tinggi mengenai OKU boleh membentuk persepsi dan sikap yang positif dalam kalangan mahasiswa/i IPTA terhadap rakan pelajar OKU. Implikasi kajian serta cadangan untuk kajian lanjutan juga dikemukakan untuk tindakan selanjutnya oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab. Oleh itu, diharapkan kajian ini dapat memberi input dan manfaat agar kesedaran tentang OKU dapat dipertingkatkan dan seterusnya dapat menjamin penerimaan golongan tersebut dalam kalangan masyarakat kampus.

**Kata kunci:** Orang Kurang Upaya, institut pengajian tinggi, pengetahuan dan sikap

**KNOWLEDGE AND ATTITUDE OF PEERS TOWARDS STUDENTS WITH DISABILITIES IN  
MALAYSIAN PUBLIC INSTITUTE OF HIGHER EDUCATION**

**Abstract**

Negative attitudes towards people with disabilities (PWD) form barriers for them to participate fully in society. This study investigated the level of knowledge of students in a local institute of higher education about PWD and to study students' perceptions and attitudes towards their peers with disabilities. There were 120 respondents from 12 faculties for this research who were selected through a tiered random sampling method. Data was collected through questionnaires and later analyzed statistically. Findings from this research showed that the level of knowledge of PWD among respondents was moderate. Perceptions and attitudes of respondents towards PWD were moderately positive. This research suggested that a high level of knowledge and exposure of PWD may have a positive impact on students' perceptions and attitudes towards peers with disabilities. Research implications and suggestions for future studies were presented for further

action by those who may be interested to venture further into this area. It is hoped that this research will provide input that will be beneficial to heighten the awareness of PWD that will lead to their full acceptance by society on campus.

**Key words:** people with disabilities, institute of higher education, knowledge and attitude

## **PENGENALAN**

Bank Dunia menganggarkan bahawa orang kurang upaya merupakan 1/5 daripada golongan termiskin dunia (Bank Dunia, 2010). Kemiskinan di kalangan OKU adalah disebabkan oleh pengasingan dan peminggiran ke atas mereka oleh masyarakat sekeliling. Situasi ini telah mengekang peluang OKU untuk mengambil bahagian di dalam aktiviti-aktiviti ekonomi yang dapat meningkatkan tahap kualiti hidup mereka. Pengasingan dan peminggiran terhadap OKU dipercayai timbul akibat daripada sikap penghalang persekitaran yang telah mengekang OKU daripada akses kepada peluang pendidikan sepenuhnya.

Atas kesedaran ini, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) telah memperakukan akan kepentingan akses kepada pendidikan dalam membantu orang-orang kurang upaya (OKU) untuk mencapai hak kesamarataan dan kebebasan asasi. Kepentingan akses kepada pendidikan bagi OKU juga telah diperakui oleh kerajaan Malaysia. Akta OKU yang dilancarkan pada 2008 menyatakan bahawa OKU tidak boleh dikecualikan dari sistem pendidikan umum atas asas ketidakupayaan mereka. Malah, melalui Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010, akses kepada pendidikan adalah salah satu dari empat teras utama pelan ini, di mana pendekatan pertama dalam mencapai matlamat pelan ini adalah mencapai kesamarataan peluang pendidikan bagi pelajar-pelajar yang terpinggir termasuklah pelajar-pelajar OKU. Sehubungan dengan itu semua faktor halangan kepada kejayaan OKU yang disebabkan oleh sikap perlu dikenal pasti. Maka dengan memahami sikap negatif terhadap OKU akan dapat membantu mencari satu jalan penyelesaian bagi mengubah sikap negatif ini (Chubon, 1992).

## **KONSEP KEKURANGAN UPAYAAN**

PBB melalui Konvensyen Hak-hak Orang Kurang Upaya menyatakan bahawa kekurangan upaya adalah suatu konsep yang sentiasa berevolusi. Kekurangan upaya tidak lagi hanya dilihat sebagai impak dari kecacatan fizikal atau pun mental. Sebaliknya kekurangan upaya adalah adalah suatu konstruk atau pandangan sosial di mana kekurangan upaya dilihat sebagai hasil daripada halangan-halangan yang berpunca daripada sikap dan persekitaran yang menghalang penyertaan penuh dan efektif mereka secara saksama di dalam masyarakat (Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu, 2008). Perspektif ini adalah berteraskan model sosial (Oliver, 1990) yang juga berpendapat bahawa interpretasi kekurangan upaya ini adalah tidak tetap dan boleh diganti dengan interpretasi yang lain (Crow, 1996).

## **SIKAP TERHADAP OKU**

Sikap merupakan kombinasi di antara kepercayaan dan perasaan yang mempengaruhi tingkah laku individu (Brostrand, 2006). Manakala Triandis, Adampoulos, dan Brinberg (1984) pula mendefinisikan sikap sebagai suatu idea atau kepercayaan yang didorong oleh perasaan dan melahirkan tingkah laku tertentu dalam sesuatu situasi sosial.

Terdapat banyak kajian yang menyokong bahawa sikap negatif terhadap OKU masih wujud (Antonak, & Livneh, 2000; Brostrand, 2006; White, Jackson, & Gordon, 2006; Longoria, 2006).

Mitos dan stereotaip negatif mengenai OKU telah melahirkan sikap prejudis yang sukar dikikis mengenai OKU dan keadaan ini akan dapat dilihat dalam bentuk sikap dan tingkah laku negatif terhadap mereka dalam konteks sosial, pendidikan dan vokasional (Rao, 2004). OKU pula mengenal pasti sikap negatif masyarakat sebagai salah satu punca tekanan yang utama dalam kehidupan mereka (Voh, 1993). Sikap negatif terhadap OKU mempunyai hubungan dengan tingkah laku penolakan sosial dan jangkauan sosial yang tinggi terhadap mereka (Antonak et. al., 2000). Selagi masih wujud sikap negatif terhadap OKU, masyarakat masih tidak dapat menerima kehadiran mereka (Nowicki, 2006; Antonak et al, 2000) dan integrasi OKU dalam masyarakat akan tersekat (Brodwin et al, 2002; Smart, 2002).

Faktor-faktor yang dapat mengubah sikap negatif terhadap OKU adalah maklumat mengenai kumpulan ini dan hubungan secara langsung dengan mereka. Lebih banyak maklumat mengenai OKU yang diketahui oleh masyarakat, maka semakin kurangnya stereotaip yang negatif mengenai OKU dan semakin positif sikap mereka terhadap OKU (Katz, Haz & Bailey, 1988; Ibrahim & Herr, 1982). Begitu juga dengan hubungan secara langsung dengan OKU, iaitu semakin kerap masyarakat berhubung secara langsung dengan OKU semakin baik sikap mereka terhadap OKU (Mc Carthy & Campbell, 1993).

Pada tahun 2007 terdapat seramai 4,255 OKU yang didaftar sebagai pelajar di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia (Kementerian Pengajian Tinggi, 2007). Kajian yang dijalankan oleh Hasnah, Mohd Hanafi, Mohd Mokhtar dan Norasuzaini (2009) mengenai halangan dan sokongan yang dialami oleh pelajar-pelajar yang mengalami kekurangan upaya di sebuah IPTA tempatan melaporkan walaupun terdapat rakan rapat yang banyak membantu mereka dari segi pengangkutan dan pembelajaran, namun dari kalangan rakan-rakan sekuliah dari fakulti yang berlainan kerjasama kurang diberikan, terutama semasa proses pembelajaran. Maka, kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat perspektif pelajar di sebuah IPTA terhadap pelajar OKU di universiti mereka. Walaupun terdapat hanya sebilangan kecil pelajar IPTA OKU yang belajar bersama pelajar tipikal lain, tetapi penerimaan mereka di IPTA masih lagi menjadi tanda tanya. Di samping itu, kurangnya kesedaran tentang masalah yang dihadapi oleh pelajar OKU dalam menjalani kehidupan seharian di kampus juga turut diberi perhatian dalam kajian ini.

## **PERSOALAN KAJIAN**

Kajian ini menyelidiki beberapa persoalan kajian seperti berikut:

- a) Apakah tahap pengetahuan pelajar-pelajar di sebuah IPTA tempatan mengenai OKU?
- b) Apakah sikap pelajar-pelajar tipikal terhadap rakan sekuliah mereka yang kurang upaya?
- c) Apakah hubungan antara pengetahuan pelajar IPTA mengenai OKU dengan persepsi dan sikap mereka terhadap pelajar OKU?
- d) Apakah impak mempunyai rakan OKU ke atas persepsi dan sikap mahasiswa/i terhadap pelajar OKU?

## **METODOLOGI**

Sampel kajian terdiri daripada 120 orang mahasiswa/i daripada 12 fakulti di sebuah institut pengajian tinggi awam (IPTA) di Malaysia. Seramai 10 responden daripada setiap fakulti telah dipilih menggunakan kaedah persampelan rawak berlapis bagi mewakili fakulti masing-masing. Borang soal selidik yang telah dilengkapi dianalisa dengan menggunakan Statiscal Package for Sosial Sciences (SPSS) versi 11.5. SPSS digunakan bagi memudahkan rumusan bilangan kekerapan dan peratusan data Bahagian B dan C.

## Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah satu set borang soal selidik yang terdiri daripada tiga bahagian utama iaitu; Bahagian A: Demografi Responden, Bahagian B: Pengetahuan dan Pendedahan serta Bahagian C: Persepsi dan Sikap. Bahagian A mengumpul maklumat mengenai jantina, umur, bangsa, agama, fakulti, bidang pengkhususan dan tahun pengajian responden. Bahagian B terdiri daripada 14 item mengenai kesedaran tentang kewujudan pelajar OKU di fakulti, universiti mahupun di luar, kefahaman tentang golongan OKU dan pengetahuan yang menyentuh tentang hak-hak asasi OKU, hak pendidikan, Akta OKU 2008 dan prasarana OKU. Bahagian C pula mengandungi 13 item yang meliputi kekerapan perhubungan dengan pelajar OKU, penerimaan terhadap pelajar atau rakan sebaya OKU dalam kumpulan tugas, pandangan tentang sikap yang ditunjukkan kepada pelajar OKU dan kemudahan seperti masa yang diberikan kepada OKU untuk menjawab peperiksaan serta sokongan akademik atau kaunseling kepada OKU. Bahagian B dan C menggunakan skala likert empat mata iaitu, sangat tidak bersetuju (STB), tidak bersetuju (TB), bersetuju (B) dan sangat bersetuju (SB). Nilai Cronbach Alpha yang diperolehi bagi instrumen ini adalah 0.7058 bagi Bahagian A dan 0.7388 bagi Bahagian B. Nilai Cronbach Alpha terhadap instrument soal selidik ini menunjukkan bahawa tahap kebolehpercayaan yang tinggi dan sesuai bagi kajian ini.

Jadual 1 Nilai Cronbach Alpha bagi instrumen kajian

Bahagian	Konstruk	Nilai Alpha
B	Pengetahuan dan Pendedahan Mahasiswa/i tentang pelajar OKU	0.7058
C	Sikap dan Pandangan Mahasiswa/i terhadap pelajar OKU	0.7388

## DAPATAN KAJIAN

### Maklumat Demografi

Seramai 120 responden yang sedang mengikuti pengajian di sebuah IPTA di Malaysia telah terlibat dalam kajian ini seperti yang diberikan dalam Jadual 2. Daripada jumlah tersebut, didapati bahawa 39 responden (32.5%) adalah lelaki dan 81 responden (67.5%) adalah perempuan. Bagi faktor umur, didapati 109 responden (90.8%) berusia 22 tahun ke bawah, 10 responden (8.3%) berusia antara 23 hingga 25 tahun dan 1 responden (0.8%) berusia lebih daripada 29 tahun.

Bagi maklumat mengenai bangsa, didapati bahawa bilangan responden yang paling tinggi didominasi oleh bangsa Melayu seramai 85 orang (70.8%), Cina 26 orang (21.7%), India 5 orang (4.2%) dan lain-lain bangsa seramai 4 orang (3.3%). Responden yang menanda "lain-lain bangsa" merangkumi bangsa Iban, Kadazan-Dusun, dan Indonesia. Bagi agama pula, didapati 88 responden (73.3%) beragama Islam, 22 responden (18.3%) Buddha, manakala Hindu dan Kristian masing-masing mencatatkan 5 responden (4.2%).

Bagi maklumat mengenai tahun pengajian didapati 25 responden (20.8%) adalah pelajar tahun 1, 34 responden (28.3%) adalah pelajar tahun 2, 33 responden (27.5%) adalah pelajar tahun 3, 22 responden (18.3%) adalah pelajar tahun 4 dan 6 responden (6%) adalah pelajar tahun 5.

Jadual 2 Responden kajian

Item		<i>n</i>	Kekerapan ( <i>f</i> ) %
<b>Jantina</b>			
Lelaki		39	32.5
Perempuan		81	67.5
<b>Umur</b>			
22 tahun dan ke bawah	23 – 25 tahun	109	90.8
26 – 28 tahun	29 tahun dan ke atas	10	8.3
		0	0
		1	0.8
<b>Bangsa</b>			
Melayu		85	70.8
Cina		26	4.7
India	Lain-lain	5	4.2
		4	3.3
<b>Agama</b>			
Islam		88	73.5
Buddha		22	18.3
Hindu		5	4.2
Kristian		5	4.2
<b>Tahun Pengajian</b>			
1		25	20.8
2		34	28.3
3		33	27.5
4		22	18.3
5		6	5.0

### Pengetahuan & Pendedahan Mengenai OKU

Maklum balas dari soal selidik yang dikumpul menunjukkan bahawa majoriti (99%) responden faham maksud OKU. Manakala 70% daripada responden bersetuju bahawa mereka mengenali seorang OKU di luar kampus, samada rakan, saudara, jiran, atau anak kepada rakan, saudara atau jiran mereka. Jumlah yang sama juga, iaitu 70% menyatakan bahawa mereka sering membaca atau menonton berita mengenai golongan OKU daripada media cetak atau elektronik. Walau bagaimanapun, 32.5% daripada responden masih kurang jelas tentang definisi OKU dan mereka didapati hanya bersetuju bahawa golongan OKU hanyalah golongan yang mempunyai kecacatan fizikal sahaja.

Seramai 80% daripada responden pernah melihat pelajar OKU di universiti dan 70% daripada responden sedar akan kehadiran pelajar OKU di fakulti mereka. Walau bagaimanapun hanya 30.83% daripada responden sahaja yang pernah mengambil kelas dengan pelajar OKU dan

24.17% daripada responden sahaja yang pernah bergaul dengan pelajar OKU melalui aktiviti kokurikulum kampus. Dari segi persahabatan pula, 20.84% daripada responden mengaku mempunyai seorang rakan OKU di kampus.

Majoriti responden menunjukkan sokongan yang padu kepada OKU apabila seramai 96.67% daripada mereka menyokong hak OKU untuk mendapat pendidikan yang sama sepertimana orang lain. Namun begitu, hanya 21.66% responden yang tahu mengenai Akta OKU 2008. Mengenai prasarana mesra-OKU, 60% daripada responden mengaku bahawa mereka tahu maksud tersebut. Sebanyak 54.16% daripada responden menyatakan tidak bersetuju terhadap prasarana kampus mereka adalah mesra-OKU. Jadual 3 di bawah mengandungi maklum balas responden mengenai pengetahuan dan pendedahan mereka terhadap OKU:

Jadual 3 Maklum balas responden mengenai pengetahuan dan pendedahan mereka terhadap OKU

No. Item	Pernyataan	Respon			
		SB (n)	B (n)	TB (n)	STB (n)
1	Saya faham apa itu OKU	76 (63.30%)	43 (35.80%)	1 (0.83%)	0 (0%)
2	Di luar kampus, saya mengenali seorang OKU (contohnya: rakan, saudara, jiran, anak kepada rakan/saudara/jiran dll)	39 (32.50%)	45 (37.50%)	22 (18.33%)	14 (11.67%)
3	Saya sering membaca/menonton berita mengenai golongan OKU dari media cetak/elektronik	39 (32.50%)	45 (37.50%)	22 (18.33%)	14 (11.67%)
4	Golongan OKU hanyalah golongan yang mempunyai kecacatan fizikal sahaja	13 (10.83%)	26 (21.67%)	39 (32.50%)	42 (35.0%)
5	Saya pernah melihat pelajar OKU di universiti	63 (52.50%)	33 (27.50%)	17 (14.17%)	7 (5.83%)
6	Saya tahu terdapat pelajar OKU di fakulti saya	50 (41.67%)	34 (28.33%)	24 (20.0%)	12 (10.0%)
7	Saya pernah mengambil kelas dengan pelajar OKU	20 (16.67%)	17 (14.16%)	41 (34.17%)	42 (35.0%)
8	Saya pernah bergaul dengan pelajar OKU melalui aktiviti kokurikulum kampus	9 (7.5%)	20 (16.67%)	54 (45.0%)	37 (30.83%)
9	Saya mempunyai sekurang-kurangnya seorang rakan OKU di kampus	8 (6.67%)	17 (14.17%)	51 (42.5%)	44 (36.67%)
10	Saya berpendapat bahawa golongan OKU layak menerima hak pendidikan yang sama sepertimana orang lain	101 (84.17%)	15 (12.50%)	3 (2.50%)	1 (0.83%)

11	Golongan OKU di Malaysia mendapat hak-hak asasi yang sama rata dengan rakyat yang lain.	49 (40.83%)	40 (33.33%)	29 (24.17%)	2 (1.67%)
12	Saya tahu tentang Akta OKU 2008	10 (8.33%)	16 (13.33%)	59 (49.17%)	35 (29.17%)
13	Saya tahu apa itu prasarana “mesra-OKU”	20 (16.67%)	52 (43.33%)	34 (28.33%)	14 (11.67%)
14	Prasarana kampus ini adalah “mesra-OKU”	11 (9.17%)	44 (36.67%)	52 (43.33%)	13 (10.83%)

---

### Sikap & Pandangan Mengenai OKU

Dalam aspek pergaulan pelajar tipikal dengan pelajar OKU, hanya 15.83% responden yang menyatakan bahawa mereka kerap berjumpa atau berhubung dengan pelajar OKU. Walau bagaimanapun sebanyak 87.7% daripada responden menyatakan bahawa mereka menganggap pelajar OKU adalah sama seperti pelajar-pelajar lain. Namun begitu sebanyak 75.83% daripada responden menyatakan bahawa mereka berasa kurang selesa dan sukar untuk bertindak biasa ketika bertemu dengan pelajar OKU. Seterusnya hampir 94.16% responden menyatakan bahawa mereka berasa simpati dengan keadaan yang dialami oleh pelajar OKU dan 88.33% responden pula menyatakan bahawa mereka mempunyai perasaan biasa menjalinkan persahabatan dengan rakan sebaya OKU. Sebanyak 95% responden pula menyatakan bahawa mereka tidak mengambil kira pandangan orang lain seandainya mereka bergaul atau berjalan bersama dengan rakan sebaya OKU.

Majoriti daripada responden, iaitu 97.5% menyatakan tidak keberatan untuk berpasangan atau berkumpul dengan pelajar OKU untuk sesuatu tugas akademik dan 88.33% responden tidak bersetuju bahawa kehadiran pelajar OKU dalam kumpulan tugas akan melambatkan kemajuan sesuatu kerja kumpulan. Tambahan lagi, 94.1% responden pula menyatakan bahawa mereka tidak bersetuju bahawa pelajar OKU akan melambatkan proses pembelajaran mereka dalam kuliah. Manakala 72.5% daripada responden bersetuju bahawa memberikan lebih masa untuk pelajar OKU menjawab soalan peperiksaan adalah suatu langkah yang adil.

Dari segi layanan oleh warga kampus terhadap individu OKU, 80.83% daripada responden berpendapat bahawa pelajar-pelajar OKU menerima layanan yang adil daripada pensyarah dan rakan-rakan. Majoriti responden iaitu 80.83% tidak bersetuju bahawa pelajar OKU terlalu bergantung kepada rakan-rakan dalam kehidupan seharian dan aktiviti pembelajaran mereka. Manakala 93.34% tidak bersetuju bahawa sokongan akademik dan kaunseling kepada pelajar OKU adalah suatu beban kewangan bagi pihak universiti. Jadual 4 di bawah menunjukkan maklum balas responden mengenai sikap dan pandangan responden tentang OKU.

Jadual 4 Maklum balas responden mengenai sikap dan pandangan responden tentang OKU

No. Item	Pernyataan	Respon			
		SB (n)	B (n)	TB (n)	STB(n)
1	Saya kerap kali berjumpa atau berhubung dengan pelajar OKU	6 (5%)	13 (10.83%)	75 (62.5%)	26 (21.67%)
2	Saya menganggap pelajar OKU sama seperti pelajar-pelajar lain	47 (39.37%)	58 (48.33%)	13 (10.83%)	2 (1.67%)
3	Saya berasa kurang selesa dan agak sukar untuk bertindak biasa apabila berjumpa dengan pelajar OKU	1 (0.83%)	28 (23.33%)	51 (42.5%)	40 (33.33%)
4	Saya berasa simpati terhadap keadaan yang dialami oleh pelajar OKU	55 (48.33%)	52 (45.83%)	9 (3.33%)	4 (2.5%)
5	Saya tidak berasa malu untuk menjalinkan persahabatan dengan rakan sebaya OKU	60 (50.0%)	46 (38.33%)	7 (5.83%)	7 (5.83%)
6	Sekiranya saya berjumpa atau berjalan dengan rakan sebaya OKU, saya tidak akan peduli apa yang orang lain fikir	63 (52.5%)	51 (42.5%)	4 (3.33%)	2 (1.67%)
7	Saya tidak keberatan untuk berpasangan atau berkumpul dengan pelajar OKU untuk sesuatu tugas akademik	46 (38.33%)	71 (59.17%)	2 (1.76%)	1 (0.83%)
8	Kehadiran pelajar OKU dalam kumpulan tugas akan melambatkan kemajuan sesuatu kerja kumpulan	3 (2.50%)	11 (9.17%)	60 (50.0%)	46 (38.33%)
9	Pelajar OKU akan melambatkan proses pembelajaran saya di dalam kuliah	4 (4.0%)	13 (13.0%)	50 (50.0%)	53 (44.10%)
10	Memberikan lebih masa untuk pelajar OKU menjawab soalan peperiksaan adalah tidak adil	8 (6.67%)	22 (18.33%)	49 (38.33%)	41 (34.17%)
11	Pelajar OKU di sini dilayan dengan adil oleh pensyarah-pensyarah dan rakan-rakan	24 (20.0%)	73 (60.83%)	19 (15.83%)	4 (3.33%)



12	Pelajar OKU terlalu bergantung kepada rakan-rakan dalam kehidupan seharian dan aktiviti pembelajaran mereka	2 (1.67%)	21 (17.5%)	73 (60.83%)	24 (20.0%)
13	Sokongan akademik/kaunseling kepada pelajar OKU adalah suatu beban kewangan bagi pihak universiti	4 (3.33%)	10 (8.33%)	50 (41.67%)	56 (46.67%)

### **Hubungan Pengetahuan & Pendedahan Pelajar Dengan Sikap & Pandangan Mereka Terhadap Pelajar OKU**

Hubungan antara pengetahuan dan kefahaman pelajar IPTA dengan persepsi dan sikap mereka terhadap rakan sebaya kurang upaya di kampus telah dianalisis menggunakan pekali korelasi Pearson. Analisis data mendapati wujudnya hubungan positif tahap sederhana antara kedua-dua pembolehubah ini, dengan nilai  $r = +0.32$ ,  $p < 0.0005$ . Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa, tahap pengetahuan dan pendedahan yang tinggi mengenai OKU berupaya menyumbang kepada pembentukan sikap dan pandangan yang positif dalam kalangan pelajar tipikal IPTA terhadap pelajar OKU.

### **Pengaruh Mempunyai Rakan OKU ke atas Sikap & Pandangan Mahasiswa/i**

Analisis menggunakan pekali korelasi Pearson momen telah dijalankan bagi mengenal pasti samada faktor mempunyai rakan OKU boleh mempengaruhi sikap dan pandangan pelajar tipikal terhadap pelajar OKU. Hasil daripada analisis data yang dijalankan telah mendapati iaitu wujudnya hubungan positif tahap rendah antara kedua-dua pembolehubah ini, dengan nilai  $r = +0.24$ , dan  $p < 0.0005$ . Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa mempunyai rakan OKU akan membantu membentuk sikap dan pandangan yang positif pelajar tipikal terhadap golongan OKU.

### **PERBINCANGAN**

Responden di dalam kajian ini telah menyatakan sikap yang positif mengenai rakan sebaya OKU di kampus; iaitu, tahap kesedaran dan kefahaman yang tinggi mengenai OKU, tidak merasa malu untuk bergaul dan kelihatan bersama dengan pelajar OKU, mempunyai rasa simpati terhadap pelajar OKU, dan bahawa tidak keberatan untuk bekerjasama dengan pelajar OKU dalam melakukan tugas kuliah. Mereka turut berpendapat bahawa pelajar OKU tidak membebankan atau melambatkan kuliah.

Mereka menyokong hak golongan OKU untuk menerima pendidikan yang sama seperti rakyat Malaysia yang lain. Mereka turut menyatakan bahawa pelajar OKU perlu mendapat layanan yang adil dari pensyarah dan rakan-rakan. Majoriti responden menyokong agar OKU di IPTA diberi kemudahan akomodasi dalam proses pembelajaran seperti masa tambahan dan lain-lain yang bersesuaian dengan keadaan ketidakupayaan yang dialami ketika menduduki peperiksaan. Para responden juga menyatakan bahawa mereka bersetuju bahawa kemudahan prasarana IPTA adalah kurang mesra OKU.

Walau bagaimana pun, oleh kerana kajian ini menggunakan instrumen laporan sendiri, maka timbul kemungkinan wujudnya social desirability bias. Bias ini bermaksud, responden mempunyai kecenderungan untuk memberikan jawapan yang mereka rasakan selari dengan nilai-nilai yang

diterima oleh masyarakat demi mengelakkan kritikan daripada masyarakat (King & Bruner, 2000). Bias ini juga berlaku kerana responden mungkin mahu menjaga imej mereka (Johnson & Fendrich, 2005).

Kemungkinan wujudnya social desirability bias di dalam kajian ini adalah dijangkakan kerana tahap pengetahuan para responden mengenai OKU adalah rendah. Majoriti mereka menyatakan mereka kurang jelas mengenai definisi OKU dan tidak sedar dengan kewujudan dan kandungan Akta OKU 2008. Pendedahan responden dengan rakan sebaya OKU juga adalah terhad, tidak ramai yang pernah mengikuti kelas dan aktiviti kokurikulum bersama pelajar OKU dan mempunyai rakan OKU di kampus. Maka tidak hairanlah apabila mereka melaporkan bahawa mereka berasa kurang selesa dan agak sukar untuk bertindak seperti biasa apabila berhadapan atau bergaul dengan pelajar OKU.

Maka dapatan kajian telah menunjukkan iaitu sikap positif rakan sebaya tipikal terhadap pelajar OKU di kampus ini berkemungkinan adalah tidak kuat. Sebaliknya majoriti responden telah menunjukkan tahap pengetahuan mengenai OKU dan pendedahan dengan OKU yang rendah. Oleh itu, sewajarnya pihak IPTA mengambil tindakan bagi mengatasi isu ini dan secara tidak langsung kesedaran masyarakat mengenai OKU di negara ini akan meningkat. Para pelajar IPTA adalah pemimpin pada masa hadapan ataupun agents of change di dalam masyarakat, dari itu mereka wajib dilatih dan didedahkan mengenai OKU.

Hasil dapatan kajian ini telah menyokong kajian lepas yang mendapati tahap pengetahuan yang tinggi di kalangan pelajar IPTA mengenai OKU boleh menyumbang kepada pembentukan sikap dan pandangan yang positif terhadap golongan OKU (Loo, 2004). Kajian ini juga telah mendapati iaitu pelajar tipikal yang mempunyai rakan OKU akan menyumbang kepada pembentukan sikap dan pandangan yang positif para pelajar terhadap golongan OKU. Dapatan ini sama dengan kajian lepas mendapati bahawa kekerapan interaksi seseorang individu dengan individu OKU akan menyebabkan seseorang individu cenderung untuk bersikap positif berbanding mereka yang jarang atau tidak pernah berhubung dan bergaul dengan individu OKU (Perry, Ivy, Conner, & Shelar, 2008).

Sehubungan dengan itu sewajarnya pihak IPTA mengambil inisiatif mengadakan program pendidikan dan latihan untuk meningkatkan kesedaran dan sensitiviti pelajar-pelajar tipikal agar mereka mempunyai sikap yang positif terhadap OKU agar persekitaran lebih kondusif untuk pelajar-pelajar OKU. Pendidikan mengenai OKU ini boleh dimasukkan ke dalam kursus-kursus am universiti ataupun kursus-kursus teras. Contohnya, semua pelajar-pelajar boleh dididik mengenai halangan-halangan yang dihadapi OKU di tempat kerja dan cara-cara mengatasi isu ini melalui akomodasi dan rekaan-semula tugas (job redesign) (Loo, 2004). Maklumat sebegini bukan sahaja berguna kepada pelajar-pelajar yang berkemungkinan perlu mengurus pekerja-pekerja OKU di alam pekerjaan mereka kelak, malah ia mendatangkan manfaat kepada golongan OKU apabila masyarakat lebih memahami keperluan mereka.

## **RUMUSAN**

Walaupun kajian ini mendapati bahawa pelajar IPTA mempunyai sikap dan pandangan yang baik terhadap pelajar OKU namun tahap pengetahuan mereka mengenai OKU dan pendedahan mereka dengan OKU adalah rendah. Pendidikan mengenai OKU berpotensi untuk mengubah sikap dan pandangan pelajar IPT terhadap pelajar OKU. Disarankan pihak IPT memasukkan pendidikan mengenai OKU ke dalam kursus-kursus pengajian agar pengetahuan yang disampaikan bermanfaat untuk jangka masa yang panjang demi kesejahteraan OKU amnya. Jika program pendidikan ini dilaksanakan, kajian longitud wajar dijalankan untuk mengkaji samada langkah ini berkesan dan sikap positif terhadap OKU yang disemai terus kekal.

## RUJUKAN

- Antonak, R.F., Livneh, H. 2000. Measurement of attitudes towards persons with disabilities. *Disability and Rehabilitation* 22: 211-224.
- Bank Dunia. 2010. Disability and the Millennium Development Goals. <http://web.worldbank.org/WBSITE/EXTERNAL/TOPICS/EXTSOCIALPROTECTION/EXTDISABILITY/0,,contentMDK:21162907~menuPK:3265756~pagePK:210058~piPK:210062~theSitePK:282699,00.html> [15 April 2010].
- Brodwin, M.G., Orange, L.M. 2002. Attitude towards disability. Dalam J. D. Andrew & C.W. Faubion (Eds.), *Rehabilitation Services: An Introduction For The Human Services Professional*: 145-173. Osage Beach, MO: Aspen Professional Services.
- Brostrand, H.L. 2006. Tilting at windmills: Changing attitudes towards people with disabilities. *Journal of Rehabilitation* 72 (1): 4-9.
- Crow, L. 1996. Including all of our lives: Renewing the social model of disability. Dlm. C. Barnes & G. Mercer (pnyt.), *Exploring the Device* 55-72. Leeds: the Disability Press.
- Chubon, R. A. 1992. Attitudes toward disability: Addressing fundamentals of attitude theory and research in rehabilitation education. *Rehabilitation Education*. 6: 301-312.
- Hasnah Toran, Mohd Hanafi Mohd Yasin, Mohd Mokhtar Taha & Norasuzaini Sujak. 2009. Sokongan dan halangan yang dihadapi pelajar-pelajar kurang upaya di sebuah institusi pengajian di Malaysia, *ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education* Vol 1, No 2: 18-29.
- Ibrahim, F., & Herr, E. 1982. Modification of attitudes toward disability: Differential effect of two educational modes. *Rehabilitation Counselling Bulletin*, 26 (1), 29-36.
- Johnson, T. and Fendrich, M. 2002. A validation of the Crowne-Marlowe Social Desirability Scale. <http://www.srl.uic.edu/publist/Conference/crownemarlowe.pdf> [15 April 2010].
- Katz, I., Hass, R.G. & Bailey, J. 1988 Attitudinal ambivalence and behavior towards people with disabilities. Dlm. H.E. Yuker, (pnyt.), *Attitudes Toward Persons With Disabilities* 47-57 New Year : Springer Publishing Company.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2006. *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010*. [http://www.kmph.matrik.edu.my/PIPP/moe\\_pipp\\_00.pdf](http://www.kmph.matrik.edu.my/PIPP/moe_pipp_00.pdf) [15 April 2010]
- King, M. & Bruner, G. 2000. Social desirability bias: A neglected aspect of validity testing. *Psychology and Marketing*, 17(2): 79-103.
- Loo, R. 2004 Relationship between attitudes toward euthanasia and attitudes toward people with disabilities. *The Social Science Journal* Vol 41, Issue 2: 295 – 299.
- Longoria, L., Marini I. 2006 Perceptions of children's attitudes towards peers with a severe physical disability. *Journal of Rehabilitation* 72 (3): 19-25.
- McCarthy, M., & Campbell, N. J. 1993. Serving disabled students: Faculty needs and attitudes. *NASPA Journal*, 30(2): 120-125.
- Nowicki, E. A. 2006 A cross-sectional multivariate analysis of children attitudes towards disability. *Journal of Intellectual Disability Research* 50: 335-34.
- Oliver, M. 1990. *The Politics of Disablement*. UK: Macmillan.

- Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. 2010. Konvensyen Hak-hak Orang Kurang Upaya.  
http://www.un.org/disabilities/convention/conventionfull.html [ 15 April 2010 ]
- Rao, S. 2004. Faculty attitudes and students with disabilities in higher education: A Literature Review. *College Students Journal* 38: 191-198.
- Perry, T. L., Mark, I., Allyson C., Docm S. 2008. Recreation Student Attitudes towards Persons with Disabilities: Consideration for Future Service Delivery. *Journal of Hospitality, Leisure, Sports & Tourism Education* 7(2):4-14.
- Smart, J. 2002. *Disability, Society and The Individual*. U.S.A.: Pro-Ed
- Perry, T. L., Ivy, M., Conner, A., & Shelar, D. 2008. Recreation student attitudes towards persons with disabilities: Consideration for future service delivery. *Journal of Hospitality, Leisure, Sports & Tourism Education* 7(2): 4-14.
- Triandis, H. C., Adampoulus, J., Brinberg, D. 1984 *Perspectives and issues in the study of attitudes*. Dlm. R.L. Jones (pnyt). *Attitudes and attitude Change in Special Education: Theory and Practice*. U.S.A.: The Council Of Exceptional Children.
- Voh, J 1993 *On belonging: A place to stand, a gift to give in*. Dlm. Turnbull, A.P., Patterson J.A., S.K. Behr, Murphy D.L., Marquis J.G., Blue-Banning, MJ (pnyt). *Cognitive Coping, Families And Disability*:151 – 163. Baltimore: Brookes.
- White, M. J., Jackson, V., Gordon, P. J. 2006 *Implicit and explicit attitudes towards athletes with disabilities*. *Journal of Rehabilitation* 72 (3): 33-40.

**Corresponding Author :** [hasnah1@yahoo.com](mailto:hasnah1@yahoo.com)